

Kisah Nurin hilang biar kes terakhir

SESUNGGUHNYA komen Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan bahawa ibu bapa patut dipersalahkan dalam setiap kes kehilangan kanak-kanak dan remaja yang melarikan diri dari rumah memang ada kebenarannya, walaupun ada pihak tidak setuju dengan pendapatnya.

Institusi kekeluargaan secara asasnya berpaksikan kepada bimbingan dan pengawasan oleh ibu bapa terhadap anak mereka.

Tidak wajar jika ibu bapa meletakkan tanggungjawab penjagaan anak kepada pihak lain seperti pembantu rumah, jiran tetangga mahupun pihak polis lantaran ibu bapa adalah individu yang paling rapat dengan anak.

Sebenarnya wujud semacam satu budaya di kalangan ibu bapa yang memberikan kebebasan tidak sewajarnya kepada anak. Kebebasan tanpa batasan yang diberi, dianggap sebagai bukti kasih sayang yang tidak berbelah bahagi buat anak. Maka, ke mana anak pergi, dengan siapa mereka bergaul dan aktiviti apa yang dilakukan tidak diambil kisah.

Kisah kehilangan anak seperti Nurin Jazlin Jazimin atau Norashila Jaafar yang ditemui semula selepas tiga hari melepak di kafe siber sebenarnya perlu dijadikan teladan buat ibu bapa lain. Begitu juga dengan kes menyayat hati apabila seorang kanak-kanak perempuan dipercayai dibunuh secara seksual ditemui mati di dalam beg di sebuah premis perniagaan di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya.

Statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan sebanyak 759 kes kanak-kanak dan remaja hilang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini di seluruh negara adalah sesuatu yang sepatutnya boleh menceliikkan mata hati ibu bapa terhadap tanggungjawab menjaga anak mereka sebaik mungkin.

Pengawasan dan penjagaan yang lebih berkesan perlu dipraktikkan oleh ibu bapa. Ibu bapa perlu sedar betapa anak itu adalah anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Di bahu mereka terletak tanggungjawab yang berat untuk memastikan perkembangan anak agar seimbang daripada jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Umum tahu bahawa anak itu diibaratkan helaian kain putih yang

perlu dicorakkan sebaiknya mengikut acuan yang dikehendaki oleh ibu bapanya. Ini bermaksud ibu bapa harus faham kaedah 'menang-menang' dalam mendidik dan mengawasi anak.

Menang di pihak mereka apabila anak mendengar kata, berdisiplin dan terkawal. Menang di pihak anak pula adalah mereka tidak berasa terlalu terkongkong, mempunyai ruang untuk bersuara dan mempertahankan pendapat dan membuat aktiviti yang disukai.

Antara langkah yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa untuk menjaga dan membimbing anak mereka adalah ibu bapa berperanan menjadi sumber *primer* dalam memberi bimbingan keagamaan, moral, adab, tatasusila serta kebudayaan.

Bimbingan secara langsung sebegini akan melahirkan perasaan yakin di kalangan anak bahawa ibu bapa adalah model ikutan terbaik kepada mereka. Dampingi mereka pada waktu gembira misalnya dengan menghadiahkan sesuatu jika mereka berjaya di dalam pelajaran dan pemberi motivasi terbaik jika anak menghadapi kegagalan atau mempunyai masalah.

Seterusnya, terapkan di dalam minda anak dengan konsep 'rumahku syurgaku'. Konsep begini memberi isyarat bahawa rumah adalah tempat terbaik untuk anak meluangkan masa.

Jika rumah berupaya menjadi lokasi penarik minat anak, maka akan kuranglah risiko untuk anak terdedah dengan anasir kurang sihat jika mereka selalu keluar rumah. Ibu bapa perlu peka dan tahu gerak geri anak sepanjang masa.

Misalnya ambil tahu dan tanyakan kepada anak bilakah waktu persekolahan mereka, waktu menghadiri tuisyen, waktu beriadah bersama rakan, bersiar-siar dan sebagainya. Peka bukan bermaksud menjaga tepi kain anak tetapi lebih kepada sifat mahu memantau dan prihatin terhadap apa yang anak lakukan setiap masa.

**KHAIRUNNEEZAM
MOHD NOOR,**
*Fakulti Kepemimpinan
dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia
(Usim).*